Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

BAHAGIAN B: DEFINISI POLISI AM

Sebarang perkataan atau ungkapan, yang mempunyai makna spesifik, adalah membawa makna yang sama apabila terkandung di dalam Polisi dan/atau Jadual.

TERMA

MAKSUD

- | | |
|--------------------------------------|---|
| 1. Kemalangan | bermaksud kejadian yang mengejut dan tidak diduga. |
| 2. Kematian Akibat Kemalangan | bermaksud kematian disebabkan oleh Kemalangan. |
| 3. Klinik | bermaksud mana-mana pertubuhan perubatan yang dioperasikan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar. |

- | | |
|--------------------------------|---|
| 4. Perlindungan | bermaksud takat perlindungan insurans yang diberi oleh Polisi ini. |
| 5. Kerosakan | bermaksud kemudaratan kepada harta, yang menyebabkan Kerugian nilai atau kemerosotan nilai kegunaan. |
| 6. Endorsmen | bermaksud semakan kepada Polisi ini yang dibenarkan. |
| 7. Hospital | bermaksud sebarang institusi yang beroperasi dua puluh empat (24) jam sehari secara sah untuk penjagaan dan rawatan kepada orang yang cedera dengan kelengkapan yang teratur termasuk tetapi tidak terhad kepada diagnosis, pembedahan, khidmat jagaan jururawat dan penyeliaan perubatan, tetapi tidak termasuk sebarang institusi yang diusahakan sebagai rumah jagaan, rumah pemulihan, tempat jagaan geriatrik, tempat jagaan mental, rumah pemulihan atau rawatan lanjutan dan/atau tempat untuk jagaan penagih alkohol dan dadah. |
| 8. Pesakit Dalam | bermaksud seseorang yang perlu menerima rawatan secara berterusan di Hospital, di bawah jagaan Pengamal Perubatan Berdaftar selama lebih dua puluh empat (24) jam, rawatan disahkan perlu oleh Pengamal Perubatan berkenaan. |
| 9. Kecederaan | bermaksud Kecederaan tubuh yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan, bebas daripada sebarang sebab lain. |
| 10. Pihak Diinsuranskan | bermaksud orang yang berumur antara 3 dan 23 tahun yang dinamakan dalam Jadual yang didaftarkan sebagai pelajar sepenuh masa di Institusi Pendidikan Diiktiraf di Malaysia dan bergantung kepada Pemegang Polisi dari segi kewangan. |

11. Kerugian	bermaksud sebarang Kecederaan dan/atau Kerosakan yang dialami oleh Pihak Diinsuranskan akibat daripada berlakunya sebarang Kemalangan.	26. Jumlah Diinsuranskan	bermaksud jumlah yang dinyatakan untuk setiap Manfaat yang ditetapkan dalam Jadual yang merupakan jumlah maksimum yang akan Kami bayar jika berlakunya tuntutan.
12. Kehilangan Anggota	bermakna Kehilangan melalui pemisahan fizikal tangan pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki pada atau di atas buku lali dan termasuk Kehilangan penggunaan tangan, lengan atau kaki yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan.	27. Hilang Upaya Menyeluruh	bermaksud ketidakupayaan Pihak Diinsuranskan untuk melibatkan diri dalam, atau menghadiri aktiviti-aktiviti biasa harian beliau atau perniagaan akibat sebarang Kecederaan yang dialami melalui Kemalangan.
13. Kehilangan Penglihatan	bermaksud Kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan yang mengakibatkan kebutaan mutlak kepada Pihak Diinsuranskan, tidak lagi boleh dipulihkan dengan pembedahan atau apa-apa rawatan lain.	28. Rawatan Perubatan Tradisional	bermaksud rawatan perubatan oleh pengamal perubatan tradisional berdaftar, pakar osteopati, fisioterapi dan/atau kiropraktor.
14. Tempoh Insurans	bermaksud tempoh yang dinyatakan di dalam Jadual atau sebarang Endorsmen	29. Kami	bermaksud AXA AFFIN GENERAL INSURANCE BERHAD.
15. Kekal	bermaksud suatu keadaan yang telah berlanjutan selama dua belas (12) bulan berturut-turut atau lebih dan apabila tamat tempoh itu, tiada harapan untuk pulih.	30. Anda	bermaksud orang yang dinamakan sebagai Pemegang Polisi di dalam Jadual.
16. Polisi	bermaksud dokumen-dokumen berikut: (a) buku Polisi ini, (b) Jadual, dan (c) Endorsmen	BAHAGIAN C: MANFAAT Sepanjang Tempoh Insurans, berikut adalah Perlindungan yang diberikan kepada Pihak Diinsuranskan di bawah Polisi ini:	
17. Pemegang Polisi	bermaksud individu atau mana-mana Institusi Pendidikan Diiktiraf di mana Polisi ini dikeluarkan kepadanya, untuk menyediakan Perlindungan untuk Pihak Diinsuranskan.	Seksyen a) – Kematian Akibat Kemalangan Jika Pihak Diinsuranskan mengalami Kecederaan yang disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kematian beliau dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Kematian Akibat Kemalangan", dengan syarat kematian itu disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan, bebas daripada sebarang sebab lain.	
18. Premis	bermaksud perkarangan Institusi Pendidikan Diiktiraf di mana Pihak Diinsuranskan menerima pendidikan.	Seksyen b) – Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan Jika Pihak Diinsuranskan mengalami Kecederaan yang diakibatkan oleh kemalangan sehingga menyebabkan Hilang Upaya Kekal terhadap beliau (keseluruhan atau sebahagian) dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar Pihak Diinsuranskan jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan" menurut "Skala Manfaat Hilang Upaya Kekal", dengan syarat Hilang Upaya Kekal itu disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan, bebas daripada sebarang sebab lain.	
19. Premium	bermaksud jumlah bayaran ditetapkan yang diminta secara berkala oleh Kami untuk menyediakan Perlindungan di bawah Polisi ini bagi Manfaat yang dinyatakan dalam Jadual.	Seksyen c) – Kematian Akibat Kemalangan Ketika Menaiki Pengangkutan Umum Awam Sebagai tambahan kepada manfaat Kematian Akibat Kemalangan, jika Pihak Diinsuranskan mengalami Kecederaan yang disebabkan oleh Kemalangan semasa dalam perjalanan di atas Pengangkutan Umum Awam dari rumah ke sekolah atau sebaliknya untuk pembelajaran sekolah dan/atau aktiviti rasmi sekolah, mengakibatkan kematian beliau dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual bagi "Kematian Akibat Kemalangan Ketika Menaiki Pengangkutan Umum Awam", dengan syarat kematian tersebut disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan, bebas daripada sebarang sebab lain.	
20. Borang Cadangan	bermaksud borang untuk ditandatangani oleh Pemegang Polisi yang menyatakan maklumat penting yang relevan dengan Perlindungan.	Seksyen d) – Kematian Akibat Kemalangan di Premis Sekolah Sebagai tambahan kepada manfaat Kematian Akibat Kemalangan, jika Pihak Diinsuranskan mengalami Kecederaan yang disebabkan oleh Kemalangan di Premis mengakibatkan kematian dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Kematian Akibat Kemalangan di Premis Sekolah", dengan syarat kematian disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan, bebas daripada sebarang sebab lain.	
21. Pengangkutan Umum Awam	bermaksud mana-mana kenderaan darat, udara atau air yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa atau Kerajaan untuk pengangkutan biasa penumpang yang membayar tambang dan hendaklah termasuk mana-mana bas sekolah, bas sewa, bas awam, "coach", teksi, beca, kapal terbang, feri, hoverkraf, hidrofoil, kapal, trem, monorel, kereta api dan kereta api bawah tanah tetapi hendaklah tidak termasuk mana-mana kereta sewa atau apa-apa kenderaan yang dikendalikan untuk tujuan hiburan.	Seksyen e) – Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan Kami akan membayar balik perbelanjaan perubatan yang perlu (termasuk perbelanjaan bilik harian) yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan untuk rawatan ketika beliau menjadi pesakit di Klinik atau Hospital berikutan Kemalangan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan", bagi setiap Kemalangan.	
22. Institusi Pendidikan Diiktiraf	bermaksud mana-mana: i. tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan; atau ii. pusat tuisyen yang berdaftar; di dalam Malaysia.	Seksyen f) – Yuran Ambulans Kami akan membayar balik yuran yang diperlukan untuk perkhidmatan ambulans domestik termasuk atendan ke dan/atau dari Hospital di mana kemasukan berlaku sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Yuran Ambulans", bagi setiap Kemalangan. Tiada bayaran akan dibuat jika Pihak Diinsuranskan tidak dimasukkan ke hospital. Untuk Hospital Kerajaan (termasuk Hospital Semi-Kerajaan), had yang ditetapkan ialah sehingga 50% daripada "Yuran Ambulans" yang dinyatakan dalam Jadual.	
23. Pengamal Perubatan Berdaftar	bermaksud pengamal perubatan atau doktor yang berdaftar dengan badan berkenaan, dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat.		
24. Jadual	bermaksud dokumen yang mengandungi maklumat penting dan relevan yang berkaitan dengan Polisi ini termasuk senarai Manfaat dan Jumlah Diinsuranskan.		
25. Hospital Semi-Kerajaan	bermaksud Hospital yang tidak dimiliki oleh Kementerian Kesihatan Malaysia tetapi dibiayai (sebahagiannya) oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia.		

Seksyen g) – Lanjutan Penculikan

Sebagai tambahan kepada manfaat Kematian Akibat Kemalangan atau manfaat Hilang Upaya Menyeluruh Kekal, jika Pihak Diinsuranskan menjadi mangsa penculikan sehingga menyebabkan kematian beliau atau Hilang Upaya Menyeluruh Kekal dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh penculikan, Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Lanjutan Penculikan".

Seksyen h) – Elaun Ehsan Kematian

Sekiranya berlaku kematian terhadap Pihak Diinsuranskan akibat Kemalangan, Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Elaun Ehsan Kematian", dengan syarat tuntutan sah akan dibayar di bawah Seksyen a) Bahagian ini.

Seksyen i) – Elaun Tunai Hospital

Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Elaun Tunai Hospital" jika Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke hospital sebagai Pesakit Dalam di Hospital dalam Malaysia sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam berturut-turut sehingga maksimum enam puluh (60) hari untuk rawatan atau pembedahan akibat Kemalangan. Untuk Hospital Kerajaan (termasuk Hospital Semi-Kerajaan), had akan menjadi 50% daripada jumlah yang dinyatakan dalam Jadual.

Seksyen j) – Elaun Pendidikan

Jika ibu atau bapa Pihak Diinsuranskan atau penjaga yang sah mengalami Kematian Akibat Kemalangan atau Kehilangan Anggota, Kami akan membayar "Elaun Pendidikan" yang dinyatakan dalam Jadual.

Seksyen k) – Rawatan Perubatan Tradisional

Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Rawatan Perubatan Tradisional" untuk bayaran sebenar rawatan perubatan tradisional Pihak Diinsuranskan dengan syarat rawatan diterima dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Kemalangan dan Pihak Diinsuranskan telah mendapatkan nasihat Pengamal Perubatan Berdaftar terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, bayaran bagi setiap Kemalangan tidak boleh melebihi jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Rawatan Perubatan Tradisional".

Seksyen l) – Rawatan Pergigian Akibat Kemalangan

Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Rawatan Pergigian Akibat Kemalangan" untuk bayaran rawatan pergigian sebenar Pihak Diinsuranskan untuk penggantian atau pembaikan kepada gigi aslinya yang rosak akibat Kemalangan, dengan syarat Pihak Diinsuranskan telah mendapatkan nasihat pengamal Pergigian Berdaftar di Klinik atau Hospital dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas tarikh Kemalangan dan rawatan susulan pergigian dalam tempoh empat belas (14) hari selepas itu. Walau bagaimanapun, bayaran bagi setiap Kemalangan tidak boleh melebihi jumlah "Rawatan Pergigian Akibat Kemalangan" yang dinyatakan dalam Jadual.

Seksyen m) – Kehilangan & Kerosakan Buku Teks

Jika Pihak Diinsuranskan mengalami Kehilangan atau Kerosakan kepada buku teks (sehingga tidak boleh digunakan lagi) disebabkan Kemalangan, Kami akan membayar balik sehingga jumlah Kehilangan & Kerosakan Buku teks yang dinyatakan dalam Jadual.

Seksyen n) – Elaun Untuk Yuran Sekolah / Tuisyen

Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual bagi "Elaun Untuk Yuran Sekolah / Tuisyen" jika Pihak Diinsuranskan tidak dapat hadir ke sekolah selama dua (2) minggu berturut-turut disebabkan oleh Kecelakaan yang timbul daripada Kemalangan.

LANJUTAN

Perlindungan Lanjutan

Tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini, Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi:

Keracunan Makanan dan/atau Minuman

Kematian atau Kecelakaan Pihak Diinsuranskan disebabkan oleh keracunan makanan dan/atau minuman.

BAHAGIAN D: SYARAT-SYARAT KHAS

Tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

1. Di atas kematian Pihak Diinsuranskan, pembayaran hendaklah dibuat di bawah Seksyen (a) Bahagian B sahaja dan tiada pembayaran akan dibuat di bawah Seksyen (b) Bahagian B.

2. Dalam apa jua keadaan, semasa Tempoh Insurans, jumlah maksimum yang boleh dibayar di bawah Seksyen (b) Bahagian B hendaklah tidak melebihi jumlah yang dinyatakan dalam Jadual.
3. Selepas membuat pembayaran Manfaat di bawah Seksyen (a) Bahagian B atau jumlah maksimum yang perlu dibayar di bawah Seksyen (b) Bahagian B, Kami hendaklah dilepaskan daripada apa-apa tuntutan selanjutnya, kecuali untuk manfaat tambahan dan/atau perbelanjaan yang timbul di bawah Seksyen-seksyen lain Bahagian B yang timbul daripada Kecelakaan yang sama (disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan yang sama).

BAHAGIAN E: SYARAT-SYARAT AM

1. Syarat Terdahulu Terhadap Liabiliti

Pematuhan dan pemenuhan terma, peruntukan, syarat dan Endorsmen Polisi ini, dan sejauh mana hal ini berkaitan dengan apa jua yang harus dilakukan atau dipenuhi oleh Pihak Diinsuranskan atau Pemegang Polisi (bagi pihak Pihak Diinsuranskan) hendaklah menjadi syarat terdahulu kepada mana-mana liabiliti Kami untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini.

Apabila Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, Anda perlu menjawab soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda selaras dengan remedi di Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. Perubahan Keadaan-Keadaan Anda

Anda perlu memaklumkan serta-merta kepada Kami secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan keadaan yang mungkin mempengaruhi Polisi ini. Kami akan memaklumkan kepada Anda sekiranya terdapat sebarang Premium tambahan yang perlu Anda bayar.

3. Penipuan

Anda hendaklah tidak melakukan penipuan. Sekiranya Anda atau orang yang diberikuasa dan/atau bertindak bagi pihak Anda membuat tuntutan di bawah Polisi ini dengan pengetahuan bahawa tuntutan itu palsu atau jumlah yang dituntut diperbesar dengan niat menipu atau sekiranya sebarang Kerugian atau Kerosakan disebabkan oleh kerelaan Anda atau keizinan Anda, Kami hendaklah tidak membayar tuntutan tersebut dan Perlindungan yang diberikan dalam Polisi hendaklah dilucuthakkan.

4. Pembatalan

Tiada pembatalan dan/atau pemulangan Premium dibenarkan apabila Polisi telah dikeluarkan.

5. Pembayaran Manfaat

Sebarang manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi ini akan dibayar kepada waris atau penama yang dinamakan oleh Pihak Diinsuranskan atau kepada wakil undang-undang peribadinya di atas kematian beliau, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

6. Timbang Tara

Sebarang pertikaian atau perselisihan di antara Anda dan Kami yang timbul daripada atau berkaitan dengan Polisi ini yang tidak boleh diselesaikan secara baik, hendaklah dirujuk kepada penimbang tara yang dipersetujui antara kita dan sekiranya tiada persetujuan itu, ia akan dicalonkan (atas permohonan mana-mana satu daripada kita) oleh Ketua Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau di Kuala Lumpur dan sebarang rujukan tersebut hendaklah dianggap sebagai pengemukaan untuk Timbang Tara dalam maksud Akta Timbang Tara 2005. Timbang Tara itu hendaklah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia dan undang-undang yang terpakai ialah Undang-undang Malaysia.

Jika sebarang perselisihan tersebut berkaitan dengan tahap Hilang Upaya Kekal untuk tujuan Polisi ini, penimbang tara yang dipilih mestilah pengamal perubatan yang berkelayakan.

Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa keputusan yang dibuat oleh penimbang tara hendaklah tidak muktamad dan tidak mengikat kita dan hak masing-masing di bawah Akta Timbang Tara 2005 dan/atau rayuan terhadap mana-mana keputusan dan/atau sebahagian daripadanya kepada Mahkamah Malaysia hendaklah tidak akan terjejas.

7. Prosedur Tuntutan

Sekiranya berlaku apa-apa Kemalangan, Kecederaan atau Kerugian yang mungkin atau akan menyebabkan tuntutan di bawah Polisi ini, Anda (atau Pihak Diinsuranskan, yang mungkin dan berkenaan) hendaklah:

- memaklumkan Kami secara bertulis secepat mungkin dan bagi mana-mana kejadian dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya keadaan atau peristiwa Kemalangan, Kecederaan dan/atau Kerugian itu, berserta butir-butir lengkap mengenai Kemalangan, Kecederaan dan/atau Kematian Akibat Kemalangan itu, mengikut mana yang berkenaan, dan
- memastikan Pihak Diinsuranskan menerima perhatian perubatan yang betul secepat mungkin selepas apa-apa Kemalangan atau Kecederaan dan selepas itu mematuhi nasihat yang diberikan oleh Pengamal Perubatan; dan
- menyediakan Kami semua laporan, sijil, maklumat dan dokumen-dokumen lain yang berkenaan sebagaimana Kami kehendaki untuk memproses tuntutan itu di atas perbelanjaan Anda, atau atas perbelanjaan sesiapa yang mewakili Pihak Diinsuranskan.

Kami berhak meminta:

- pemeriksaan oleh referi perubatan yang dilantik oleh Kami untuk Kecederaan; dan
- pemeriksaan bedah siasat sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan.

Kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat di bawah Fasal 7(i) hendaklah tidak dijejaskan oleh kelewatan yang tidak disengajakan, kesilapan atau peninggalan dalam memaklumkan Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari berhubung apa-apa keadaan atau peristiwa tersebut, dengan syarat Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang Kerugian atau kerosakan yang tidak dimaklumkan kepada Syarikat dalam masa enam puluh (60) hari selepas keadaan atau peristiwa yang membawa kepada tuntutan.

8. Insurans Lain [Terpakai untuk Seksyen e) Bahagian B sahaja]

Jika sebarang Kemalangan, Kecederaan dan/atau Kerugian yang diinsuranskan oleh Polisi ini dilindungi oleh mana-mana polisi insurans yang lain, Kami hanya akan membayar bahagian berkadar Kami.

9. Pembaharuan Automatik

Polisi ini hendaklah, tertakluk kepada terma dan syarat dan pembayaran Premium apabila cukup tempoh, diperbaharui secara automatik melainkan notis tidak mahu memperbaharui diberikan oleh Pihak Diinsuranskan (atau Pemegang Polisi yang mana berkenaan) secara bertulis kepada Syarikat sebelum tarikh ulang tahun Polisi. Tiada notis pembaharuan akan dikeluarkan. Jadual Polisi yang dikeluarkan kepada Pihak Diinsuranskan pada atau sebelum tamat tempoh Polisi sedia ada dan pembayaran Premium adalah bukti kesahan Perlindungan.

10. Penamatan Automatik

Polisi ini akan berhenti berkuat kuasa bagi Pihak Diinsuranskan:

- pada tarikh pembaharuan selepas tarikh di mana Pihak Diinsuranskan tidak lagi layak atas sebab umur atau status; dan/atau
- jika Kemalangan yang menyebabkan tuntutan berlaku dan di mana Kami membuat pembayaran di bawah Kematian Akibat Kemalangan, Hilang Upaya Menyeluruh Kekal, Hilang Upaya Menyeluruh Kekal Mata, Hilang Upaya Menyeluruh Kekal Anggota, Hilang Upaya Menyeluruh Kekal Pertuturan dan Hilang Upaya Menyeluruh Kekal Pendengaran kedua-dua telinga.

BAHAGIAN F: PENGECUALIAN

Yang berikut tidak dilindungi di bawah Polisi ini:

- Sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan atau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya (selain daripada usaha menyelamatkan nyawa), kecederaan diri yang disengajakan, membunuh diri atau percubaan membunuh diri ketika siuman atau tidak siuman.
- Sebarang kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan yang sedia wujud, penyakit, jangkitan bakteria atau virus walaupun jangkitan yang tidak disengajakan kecuali jangkitan bakteria yang disebabkan secara langsung dari luka atau kesan luka akibat Kemalangan.
- Rawatan perubatan atau pembedahan melainkan rawatan sedemikian diperlukan akibat Kecederaan yang dilindungi di bawah skop Polisi ini.
- Rawatan berkaitan dengan pembedahan kosmetik untuk tujuan kecantikan tanpa mengambil kira sama ada rawatan itu diberikan akibat luka kebakaran.
- Penyakit kelamin, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit), ARC (sebarang penyakit berkaitan AIDS) dan Jangkitan HIV (Virus Kurang Daya Melawan Penyakit).
- Kehamilan atau kelahiran anak.
- Kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau ubat yang tidak ditentukan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan.
- Perjalanan atau penerbangan dalam mana-mana kenderaan atau peranti navigasi udara, selain daripada sebagai penumpang dalam sebuah pesawat penumpang yang diiktiraf yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan yang berkelayakan atau sebarang penerbangan yang dijadualkan, tidak berjadual, khas atau dicarter.
- Perkhidmatan tentera atau polis atau bomba mana-mana negara sama ada secara tetap atau sementara.
- Peperangan yang diisytiharkan atau tidak atau sebarang tindakannya, pengganasan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, pengambilan kuasa secara militari atau rampasan kuasa.
- Rusuhan atau kekacauan awam di mana Pihak Diinsuranskan terlibat secara aktif.
- Pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear yang disebabkan oleh pembakaran bahan api nuklear.
- Bahan letupan radioaktif toksik atau bahan berbahaya lain dari sebarang bentuk binaan bahan api nuklear atau komponen bahan nuklear.
- Penyertaan atau penglibatan Pihak Diinsuranskan dalam sebarang bidang sukan profesional.
- Penyertaan dan penglibatan Pihak Diinsuranskan di dalam aktiviti-aktiviti dan sukan-sukan merbahaya seperti sukan musim sejuk, sebarang bentuk sukan meluncur, mendaki batu, mendaki gunung (memerlukan penggunaan tali atau panduan), meneroka gua, menyelam, sukan payung terjun, aktiviti-aktiviti menyelam menggunakan alat-alat pernafasan, perlumbaan kuda berpalang, pemburuan atau sebarang pemburuan tanpa kenderaan.

BAHAGIAN G: SKALA MANFAAT HILANG UPAYA KEKAL

1. Hilang Upaya Menyeluruh Kekal		100%
2. Kehilangan anggota		100%
3. Kehilangan menyeluruh penglihatan satu mata atau kedua-dua mata		100%
4. Lumpuh menyeluruh		100%
5. Tidak siuman (kekal)		100%
6. Kehilangan tangan pada atau atas paras pergelangan tangan		100%
7. Kehilangan kaki pada atau atas paras pergelangan kaki		100%
8. Kehilangan penglihatan mata kecuali persepsi cahaya		50%
9. Kehilangan lensa mata		50%
10. Kehilangan jari-jari dan ibu jari satu tangan		50%
11. Kehilangan empat jari		40%
12. Kehilangan ibu jari	- kedua-dua falanks	25%
	- satu falanks	10%
13. Kehilangan jari telunjuk	- tiga falanks	10%
	- dua falanks	8%
	- satu falanks	4%
14. Kehilangan jari tengah	- tiga falanks	6%
	- dua falanks	4%
	- satu falanks	2%
15. Kehilangan jari manis	- tiga falanks	5%
	- dua falanks	4%
	- satu falanks	2%
16. Kehilangan jari kelingking	- tiga falanks	4%
	- dua falanks	3%
	- satu falanks	2%
17. Kehilangan metakarpus	- pertama atau kedua	3%
	- ketiga, keempat atau kelima	2%
18. Kehilangan jari kaki	- semua	18%
	- besar, kedua-dua falanks	5%
	- besar, satu falanks	2%
	- selain jari besar, setiap jari	1%
19. Kehilangan Pendengaran Kekal dan Menyeluruh	- kedua-dua telinga	75%
	- satu telinga	15%
20. Kehilangan Pertuturan Kekal dan Menyeluruh		50%
21. Hilang upaya separa Kekal yang tidak dinyatakan di atas (melainkan Kehilangan deria rasa atau bau)	peraturan akan ditentukan oleh Kami berdasarkan penilaian dan pendapat penasihat Kami	